

Siasat punca sungai dialih

KUNDANG – Penduduk mempertikaikan kerja pengalihan aliran Sungai Kundang sepanjang kira-kira 20 meter melibatkan tanah kerajaan di Bandar Baru Kundang, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuang, Abdul Shukor Idrus berkata, kerja berkenaan yang didakwa menimbulkan masalah terutama banjir di situ diharap dapat disemak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Kita harap JPS dapat beri penjelasan supaya masyarakat di sini faham dan berpuas hati dengan jawapan diberikan tidak kira sama ada pihak terlibat ada atau tiada kelulusan untuk menjalankan kerja pengalihan sungai ini.

“Hal ini disebabkan pihak kuil di sini memaklumkan pembukaan tanah untuk kerja terbabit telah masuk ke kawasan mereka dan memberi kesan kepada lot kuil,” katanya semasa turun padang meninjau masalah itu.

Hadir sama, Penyelaras Parlimen Selayang, Chan Wun Hoong, jawatankuasa setempat serta jawatankuasa kuil, kelmarin.

Terdahulu, penduduk mendakwa projek pengalihan sungai itu dilakukan oleh individu bertujuan membesarkan kawasan perniagaannya sejak 1 Mei hingga 4 Mei lalu.

Dalam pada itu Abdul Shukor berkata, penduduk berharap supaya dapat berbincang bagi



Gambar kuil yang banjir semasa hujan lebat.

mendapatkan kebenaran JPS supaya sebahagian rizab JPS di kawasan berhampiran dapat dibina laluan baru.

“Ini memandangkan laluan masuk sedia ada berhampiran sungai dan bersebelahan kuil digunakan sekarang adalah melalui tanah pihak kuil di sini. Laluan baru sudah dikenal pasti dan kita harap JPS dan Pejabat Tanah Gombak dapat beri kelulusan berkaitan bagi menyelesaikan masalah laluan ini,” katanya.

Sementara itu, ahli jawatankuasa kuil terbabit, Uvaraja Balakrishnan, 40, berkata, antara sebab sebahagian kawasan kuilnya semakin terhad adalah akibat projek pengalihan sungai ke tapak rumah ibadat terbabit.

“Sejak sungai dialihkan lebih seminggu lalu, ia menyebabkan masalah banjir ke kawasan kuil semasa hujan lebat,” katanya.